

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat meminda beberapa bahagian dalam Perlembagaan untuk membolehkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi dengan berintegriti dan sah.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

2. Berkenaan dengan isu berkaitan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia,

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi memastikan ia dilantik berdasarkan merit.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan termasuklah keperluan untuk meminda peruntukan- peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan untuk Jawatankuasa ini menjalankan fungsinya. Pada masa yang sama, Jawatankuasa ini mendapati bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan dan agensi. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisme terbaik agar dapat menjalankan fungsi dan peranan yang lebih jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama.

Sekian, terima kasih.